

PARLIMEN: Pasport Baru Lebih Berkualiti Mulai Tahun Depan
Bernama
16 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Kerajaan memutuskan untuk mengeluarkan pasport dengan struktur baru yang lebih berkualiti iaitu jenis 'Polycarbonate Biodata Page' mulai tahun depan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata langkah itu bagi mengatasi masalah teknikal yang seringkali wujud dalam proses pengeluaran pasport.

"Kebanyakan mesin pembuatan dokumen tersebut yang digunakan di pejabat-pejabat imigresen telah berusia lebih lima tahun dan digunakan sejak tahun 2007.

"Kondisi mesin-mesin tersebut kini kerap menghadapi masalah teknikal yang boleh menjejaskan pengeluaran pasport," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 Peringkat Dasar di Dewan Rakyat di sini Selasa.

Beliau berkata orang awam sering berdepan dengan masalah mendapatkan pasport atas faktor tersebut dan terpaksa ke pejabat imigresen lain bagi mendapatkan pasport pada hari yang sama.

Dalam pada itu, Abu Seman berkata kementerian akan meneliti untuk turut mengurangkan caj bayaran pasport kepada mangsa jenayah yang kehilangan dokumen itu akibat dicuri atau disamun.

Beliau berkata demikian sebagai respon kepada cadangan Fong Poh Kuan (DAP-Batu Gajah).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702493>